

# Kejayaan KYT lahir tenaga profesional

BH 19/12/06

**K**EJAYAAN Kolej Yayasan Terengganu (KYT) melahirkan siswa dan siswi cemerlang sebenarnya bermula pada 1992. Ternyata keputusan menjadi institusi pengajian swasta pertama merintis program bersekutu bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjadi titik tolak kejayaan KYT.

KYT bermula dengan program persediaan peringkat pengajian pra diploma menerusi Pra Diploma Sains, Pra Diploma Perdagangan dan Pra Diploma Perakaunan, namun sambutan di kalangan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di luar dugaan.

Bayangkan pada awal penawaran kursus tersebut, walaupun kemudahan sederhana, lebih 300 pelajar mendaftar untuk ikuti kursus ditawarkan. Pendekatan berbeza di KYT, suasana pembelajaran yang lebih kondusif serta berkat kesungguhan pelajarannya, KYT berjaya menghantar kebanyakan pelajarannya ke program diploma di UiTM di seluruh negara, menyebabkan pada 1998, UiTM memberi kepercayaan kepada KYT untuk mengendalikan sendiri beberapa program diplamanya.

Sehingga kini KYT menawarkan Diploma Sains Komputer, Diploma Perakaunan, Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat dan Diploma Pengurusan Pelancongan.

Hamdan Sidek, 33, adalah antara ribuan anak kelahiran KYT yang bermula dengan hanya kursus Pra Diploma Sains di kolej itu. Kini dia seorang jurutera di sebuah syarikat multinasional Honeywell Engineering Sdn.Bhd.

Walaupun Hamdan boleh dianggap memperjudikan masa depannya apabila menjadi kumpulan pelajar terawal mengambil kursus Pra Diploma Sains di KYT pada Julai 1992, namun katanya,

pengajian dalam bidang sarjana dan kini berhasrat untuk meneruskan lagi ke peringkat doktor falsafah.

Selain Hamdan dan Ruslim, seorang ahli perniagaan yang dilahirkan KYT menerusi kursus Pra Diploma Perdagangan ialah Mohd Johari Abu Bakar.

Anak kelahiran Manir berusia 31 tahun itu kini adalah Pengurus Besar syarikat teknologi maklumat, Dynasty IT Services Sdn Bhd yang beribu pejabat di Jalan Sultan Sulaiman.

Kejayaan demi kejayaan membuat KYT kini semakin gah sebagai salah sebuah kolej bersekutu UiTM terbaik di negara ini.

Maka tidak hairanlah kini bukan setakat penambahan program diploma baru di KYT bahkan berdirinya dua blok asramanya kini menjadi mercu tanda baru kolej itu.

Ketua Pegawai Eksekutif KYT, Dr Wan Shaari Wan Ismail, berkata KYT akan terus berdiri kukuh sebagai kolej bersekutu UiTM dan bakal menawarkan lapan lagi kursus diploma dari tiga fakulti UiTM pada kemasukan Julai 2007 nanti.

Fakulti tersebut ialah Fakulti Sains Kesihatan yang menawarkan kursus Diploma Kejururawatan, Diploma Teknologi Perubatan Makmal dan Diploma Kesihatan Alam Sekitar.

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka pula menyediakan kursus Diploma Seni Reka Tekstil dan Diploma Seni Reka Grafik dan Media Baru manakala Fakulti Pengurusan Perniagaan menawarkan Diploma Pengangkutan, Diploma Insurans dan Diploma Perakaunan dan IT.

"Kemasukan 500 lagi pelajar bagi kursus baru itu melaksanakan sasaran KYT untuk mencapai 4,000 pelajar menjelang 2010," kata Dr Wan Shaari.

perjudian itu adalah keputusan tepat apabila KYT menjadi platform menimba ilmu dan akhirnya melangkah lebih jauh.

Selepas tamat SPM Hamdan pernah menyambung pelajaran di UiTM tetapi berhenti apabila mendapat tawaran melanjutkan pengajian di Petronas. Bagaimanapun, kegagalannya dalam pemeriksaan ujian mata menyebabkan dia hampir putus asa apabila terlepas peluang menyambung pelajaran.

KYT bagaimanapun memberi sinar kepada semangatnya yang masih berko-bar-kobar untuk belajar.

"Saya mengambil Pra Diploma Sains di KYT apabila yakin dengan kemampuan kolej itu menjadi jambatan menyambung pengajian saya ke peringkat lebih tinggi.

"Ternyata ia tidak sia-sia apabila saya kemudian berjaya meneruskan pengajian di UiTM Shah Alam dalam bidang Kejuruteraan Elektrik (Instrumentation) sebelum menyambung ke peringkat Sarjana Muda dalam bidang yang sama di universiti itu pada 2000," katanya yang berasal dari Chendering.

KYT bukan hanya setakat melahirkan jurutera bertaraf antara bangsa, malah turut mengeluarkan produk yang kini akhirnya sudah bergelar pensyarah, ahli perniagaan mahupun doktor perubatan.

Mohd Rusllim Mohamed, 29, Pensyarah Kejuruteraan Elektrik di Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (KUK-TEM) adalah antara alumni KYT.

Ketika mendapat tawaran dalam kursus Sains Komputer di UiTM pada 1995, Rusllim bagaimanapun lebih awal beberapa minggu menjejakkan kaki di KYT dan dia kemudian mengambil keputusan meneruskan pengajian di kolej itu selepas jatuh cinta dengan pendekatan pembelajarannya.

"Saya selesa dengan suasana pembelajaran, kemudahan dan penekanan terhadap kemahiran mengikut kesesuaian pelajar. Itulah yang menambat hati saya," katanya.

Ternyata KYT tidak mengecewakan pelajar yang memang berminat dalam pelajaran. Selepas tamat di KYT, Rusllim menyambung pengajian di UiTM dalam bidang Kejuruteraan Elektrik (Kuasa).

Namun, kecemerlangan anak didik KYT ini menyebabkan selepas semester satu di UiTM, dia terpilih menerima tawaran Mara ke University of Warwick, United Kingdom dalam bidang yang sama.

Selepas pulang Rusllim menyambung